



TAJUK KHUTBAH JUMAAT
Siri: 05/2022

MASA HIDUP DI DUNIA HANYA SEKALI

04 Febuari 2022
Bersamaan
02 Rejab 1443

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa **sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah** yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima**. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى ، وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ اصْطَفَى .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ . وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

أَمَّا بَعْدُ . فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada Allah dan meninggalkan segala laranganNya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita semua menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah SWT, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Khutbah jumaat pada hari ini bertajuk:

“Masa Hidup Di Dunia Hanya Sekali”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Masa adalah salah satu nikmat yang sangat berharga dalam kehidupan kita dan ia berlalu dengan begitu pantas tanpa kita sedari. Terdapat banyak peribahasa yang dikaitkan dengan masa, antaranya masa itu ibarat mata pedang, masa itu emas, masa yang berlalu tidak akan kembali dan banyak lagi. Sesungguhnya masa itu jika tidak dimanfaatkan dengan betul, nescaya kita akan berada dalam kerugian. Firman Allah dalam surah al ‘Asr ayat 1 hingga 3 :

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Maksudnya: Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan dengan kebenaran serta saling berpesan dengan kesabaran.

Imam Fakhruddin al-Razi menafsirkan ayat ini, dengan katanya:

Sesungguhnya Allah bersumpah dengan masa kerana di dalamnya berlaku perkara yang baik dan buruk, kesihatan dan penyakit, kekayaan dan kemiskinan, dan kerana berharganya masa sehingga tidak dapat diukur dengan suatu apa pun yang lain.

Para hukama pernah berkata:

Barangsiapa yang hari ini lebih baik daripada kelmarin dari segi ketaatannya kepada Allah dalam urusan kehidupan, maka dia adalah orang yang beruntung. Barangsiapa yang hari ini sama dengan kelmarin maka dia adalah orang yang rugi.

Barangsiapa yang hari ini lebih buruk daripada hari kelmarin maka dia adalah orang yang celaka. Justeru, kita hendaklah memanfaatkan masa yang ada dengan sebaik-baiknya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Masa yang sedang kita lalui ini boleh diumpamakan sebagai modal dalam perniagaan. Andainya seseorang peniaga yang mempunyai modal yang banyak tetapi tidak tahu untuk menggunakannya maka ia akan membuat dirinya rugi. Begitu juga bagi seseorang mukmin yang dikurniakan masa dan waktu, jika tidak tahu menguruskan masa dengan sempurna nescaya dia akan tergolong dalam kalangan orang yang rugi.

Dalam kehidupan hari ini, sudah menjadi kebiasaan setelah pulang dari tempat kerja atau selepas waktu pejabat, seseorang itu akan pulang ke rumah masing-masing. Apabila sampai di rumah, ada yang berehat dan tidur, ada yang menonton televisyen sambil minum petang, ada yang menyiram pokok dan memberi makan haiwan peliharaan, ada yang bersukan dan bermacam-macam aktiviti. Itulah yang lazim dilakukan sementara menunggu masuknya waktu maghrib.

Apabila hampir masuk waktu Maghrib, kita akan dapati ada dua golongan; Pertama, yang bersiap untuk ke masjid di samping mengajak anak isteri dan ahli keluarga untuk sama-sama menuju ke Masjid atau surau di samping mendengar kuliah agama dan majlis ilmu. Ini amatlah sedikit berbanding golongan kedua iaitu mereka yang terus berada di rumah.

Suka khatib tegaskan bahawa mereka yang pergi ke masjid dengan membawa anak dan isteri untuk solat berjamaah, mendengar kuliah dan pengajian, bersedekah di tabung masjid dan pulang, inilah orang yang pandai mengisi masa dan membentuk diri serta ahli keluarganya menuju kejayaan. Sekurang-kurangnya, sesibuk manapun kita di siang hari dengan tugas dan tanggungjawab mencari nafkah, tetapi pada malam hari sebaiknya kita luangkan masa seketika antara maghrib dan Isyak untuk ke rumah Allah. Jika amalan ini dilakukan secara berterusan insyaAllah kita akan merasai kemanisan hidup dan sinar kebahagiaan akan bertapak dalam kehidupan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Rasulullah SAW mengingatkan kita semua dengan satu peringatan yang cukup bermakna menerusi hadis baginda yang bermaksud:

Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa muda sebelum tua. Masa sihat sebelum sakit. Masa kaya sebelum miskin. Masa lapang sebelum sibuk. Masa hidup sebelum mati.

(Riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi)

Hadis ini merupakan satu tarbiah bagi setiap orang mukmin mengingatkan diri agar memanfaatkan waktu dengan melakukan perkara-perkara yang mendekatkan dirinya dengan Allah taala. Bahkan lima perkara yang ditekankan dalam hadis tersebut merupakan kunci penting bagi seseorang mukmin untuk sentiasa berada dalam kebajikan dan kebaikan. Mengapa kita perlu perbanyakkan amalan kebaikan dalam kehidupan ini?

Kerana hidup di dunia ini hanya sekali. Maka manfaatkanlah segala peluang dan ruang yang ada untuk mengabdikan diri kepada Allah. Ini berdasarkan kepada hadis:

يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سُلَامَى مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ: فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ
صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ
عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ. وَيُجْزَى مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى

(رواه مسلم)

Maksudnya: “Di setiap pagi ada kewajiban sedekah ke atas setiap sendi dari salah seorang kalian. Setiap tasbih adalah sedekah, setiap tahmid adalah sedekah, setiap tahlil adalah sedekah, setiap takbir adalah sedekah, amar makruf nahi mungkar adalah sedekah. Dan dapat memadai untuk semua itu dua rakaat yang dilakukan pada waktu Dhuha”

(Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kehidupan kita di dunia ini sangatlah singkat. Justeru, masa yang ada janganlah dibazirkan dengan perkara-perkara lalai yang tidak mendatangkan faedah. Sewajarnya setiap mukmin menggunakan anugerah waktu yang dimiliki dengan membangunkan diri melalui perbuatan yang akan membawanya menghuni syurga Allah Taala. Ini kerana jika di dunia ini waktu yang dihabiskan dengan perkara yang sia-sia sesungguhnya akan mendatangkan penyesalan buat selamanya. Al-Quran menyingkap perkara ini dalam surah al-Munafiqun, ayat 9 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ ءَأْمُوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَمَن يَفْعَلْ
ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingati Allah. Barangsiapa yang membuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi.

Sesungguhnya mereka yang tidak melakukan amal kebaikan akan menyesal atas perbuatannya. Kekesalan atas setiap kesilapan di dunia ini masih ada waktu untuk memperbaikinya tetapi menyesal di akhirat tidak ada peluang kedua untuk menebusnya. Oleh itu, janganlah menjadi orang-orang yang berada dalam

kerugian kerana kesudahan hidup seseorang mukmin itu ditentukan oleh bagaimana dia menguruskan kehidupannya.

Justeru, buatlah sebanyak mungkin kebaikan sesama manusia dan ibadat yang seikhlasnya kepada Allah kerana inilah saham yang akan menentukan tempat seseorang mukmin di akhirat kelak.

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini:

Pertama : Tanggungjawab dan kewajipan agama yang perlu kita laksanakan jauh lebih banyak daripada masa yang kita miliki.

Kedua: Perbanyakkan amal untuk bekalan kehidupan selepas mati dan jangan bertangguh dalam melaksanakan kebajikan dan kebaikan.

Ketiga : Janganlah terlalu sibuk merancang sesuatu yang belum pasti sehingga berlaku pembaziran masa yang dimiliki pada masa sekarang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَيَوْمَ يُحْشَرُهُمْ كَأَن لَّمْ يَلْبَثُوا إِلَّا سَاعَةً مِّنَ النَّهَارِ يَتَعَارَفُونَ بَيْنَهُمْ قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا

بِلِقَاءِ اللَّهِ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya : Dan (ingatlah) ketika Allah himpunkan mereka (pada hari kiamat kelak), dengan keadaan mereka merasai seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu saat saja dari siang hari. Mereka akan berkenal-kenalan sesama sendiri. Sesungguhnya rugilah orang yang telah mendustakan hari menemui Allah untuk menerima balasan dan yang tidak mendapat petunjuk (ke jalan mencari untung semasa hidup di dunia)."

(Surah Yunus ayat 45)

بَارِكِ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعِنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ

الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى

السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا

وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ

مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan

yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.